

**ASPIRASI PENDIDIKAN  
DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
RENDAH BANDAR DAN LUAR BANDAR  
UTARA MALAYSIA**

**oleh**

**NURUL FARAH ADIBAH BINTI ISMAIL**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

**Ogos 2017**

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi, saya mampu untuk menghasilkan tesis ini dan diberikan kemampuan untuk menghabiskan perjalanan ijazah sarjana saya. Di samping itu, saya berasa bersyukur kerana saya mampu bertahan dalam menjalankan penyelidikan selama ini walaupun terdapat pelbagai halangan dan dugaan.

Perjalanan ini tidak akan saya mampu tempuh tanpa bantuan daripada pelbagai pihak. Pertamanya, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada penyelia utama saya iaitu Prof. Madya Dr. Premalatha Karupiah. Beliau telah banyak membantu saya dalam penulisan tesis dan juga melatih diri saya supaya lebih berfikiran kreatif dalam menjalankan penyelidikan. Saya sangat terhutang budi untuk semua ilmu yang diberikan dan masa yang dikorbankan beliau bagi membantu diri saya yang serba kekurangan ini.

Selain itu, sokongan sosial yang kuat daripada keluarga saya menjadikan perjalanan ijazah sarjana sampai ke tahap ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Hajjah Sa'diah (ibu) dan Tuan Haji Ismail (ayah) yang menjadi orang yang sangat penting dalam memberikan saya sokongan dalam apa jua keadaan sekalipun. Seterusnya, saya amat-amat bertuah dikurniakan suami (Ahmad Auf Mohd Ali) yang sangat memahami dan sedia menghulurkan pertolongan di saat saya perlukan. Saya sangat berterima kasih untuk setiap pengorbanannya demi kepentingan saya. Tiada kata yang dapat menggantikan penghargaan sebenar terhadap keluarga saya kerana mereka sudi berkongsi tanggungjawab untuk menjaga dan mencurahkan kasih sayang terhadap anak saya, Muhammad Aqil Ridwan sepanjang ketiadaan saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan bantuan kepada saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Mereka terdiri daripada sahabat-sahabat sejati saya iaitu Syaidatul Nadia, Nurul Nadiah, Azrina, Shno, Suraya, Mardhiah, Farhana, Iqa, Tekying, Hidayah dan Hannah. Segala budi mereka akan saya kenang sampai bila-bila kerana mereka juga sanggup berkorban masa membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>xiii</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>xv</b>

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

1.1 Pengenalan Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.6 Definisi Konsep	10
1.6.1 Aspirasi Pendidikan Pelajar	10
1.7 Skop Kajian	12
1.8 Motivasi Kajian	13
1.9 Batasan kajian	13
1.10 Organisasi Tesis	14

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	16
2.2	Latar Belakang Sejarah Pendidikan di Malaysia	16
2.3	Laluan Sistem Pendidikan di Malaysia	20
2.4	Ulasan Karya Lepas	26
	2.4.1 Aspirasi Pendidikan Pelajar dalam Konteks Malaysia	26
	2.4.2 Aspirasi Pendidikan Pelajar dalam Konteks Luar Negara	31
	2.4.2(a) Kajian Aspirasi Pendidikan Berbentuk Perbandingan	32
	2.4.2(b) Kajian Aspirasi Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar	34
	2.4.2(c) Kajian Aspirasi Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Kaum Minoriti	37
	2.4.2(d) Kajian Aspirasi Pendidikan dengan Modal Sosial	38
	2.4.2(e) Kajian Aspirasi Pendidikan dengan Modal Budaya	40
2.5	Peranan Aspirasi Pendidikan	43
	2.5.1 Panduan Rancangan Masa Depan	43
	2.5.2 Satu Bentuk Pelaburan dalam Proses Transformasi Diri	46
2.6	Pendekatan Teori Dalam Kajian	48
	2.6.1 Teori Pencapaian Status ( <i>Status Attainment Theory</i> )	49
	2.6.2 Teori Kognitif Sosial	52
	2.6.3 Kerangka Teori dan Kerangka Model dalam Kajian	54
2.7	Rumusan	58

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Lokasi Kajian	61
3.4	Populasi dan Sampel	62
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	65
3.6	Kaedah Analisis Data	66
3.7	Instrumen Kajian	67
3.8	Kajian Rintis	72
3.9	Kebolehpercayaan untuk Kajian Sebenar	73
3.10	Isu-isu Etika	74

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	76
4.2	Data Demografi	76
4.3	Persoalan Kajian 1: Data Aspirasi Pendidikan Pelajar	82
4.4	Persoalan Kajian 2: Perhubungan Antara Lokasi Pelajar dan Tahap Aspirasi Pelajar	85
4.5	Persoalan Kajian 3: Perkara Mempengaruhi Tahap Aspirasi Pendidikan Pelajar	87
4.5.1	Faktor Mempengaruhi Tahap Aspirasi Pendidikan Pelajar Tahun 4	88
4.5.2	Faktor Mempengaruhi Tahap Aspirasi Pendidikan Pelajar Tahun 5	91

4.5.3	Faktor Mempengaruhi Tahap Aspirasi Pendidikan Pelajar Tahun 6	93
4.5.4	Faktor Mempengaruhi Tahap Aspirasi Pendidikan Keseluruhan	97
4.6	Persoalan Kajian 4: Rancangan Pelajar untuk Mencapai Aspirasi Pendidikan	100
4.6.1	Rancangan Berbentuk Fizikal	101
4.6.1(a)	Ulang Kaji Pelajaran	101
4.6.1(b)	Melayakkan Diri ke Sekolah yang Cemerlang	106
4.6.1(c)	Cemerlang Semua Subjek	109
4.6.1(d)	Menghadiri Kelas Tuisyen	113
4.6.1(e)	Sikap Positif Pelajar	115
4.6.2	Rancangan Berbentuk Spiritual	122
4.6.2(a)	Amalan Keagamaan	123
4.6.2(b)	Amalan Kepada Guru	125
4.6.2(c)	Amalan Kepada Ibu bapa	128
4.6.2(d)	Membina Keyakinan Diri	129
4.7	Rumusan	132

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN**

5.1	Pengenalan	133
5.2	Persoalan Kajian 1: Apakah aspirasi pendidikan pelajar Tahun 4, 5 dan 6?	133
5.3	Persoalan Kajian 2: Apakah hubungan antara lokasi (bandar dan luar bandar) dan tahap aspirasi pendidikan?	137
5.4	Persoalan Kajian 3: Mengapakah para pelajar mempunyai tahap aspirasi pendidikan tersebut?	141
5.5	Persoalan Kajian 4: Apakah rancangan para pelajar untuk mencapai aspirasi pendidikan?	147
5.6	Model Penerangan Aspirasi Pendidikan	152
5.7	Kesimpulan	153

## **BAB 6**

### **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

6.1	Pengenalan	154
6.2	Rumusan Penyelidikan	154
6.3	Rumusan Dapatan Kajian	155
6.4	Cadangan Kajian di Masa Hadapan	156
6.5	Kesimpulan	157

<b>SENARAI RUJUKAN</b>	159
------------------------	-----

### **LAMPIRAN**

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Muka Surat</b>
Jadual 3.1 Nama Sekolah untuk Kajian	62
Jadual 3.2 Bilangan Sekolah untuk Kajian	63
Jadual 3.3 Bilangan Pelajar Mengikut Tahun	64
Jadual 3.4 Definisi Konsep	68
Jadual 3.5 Definisi Operasi Konsep	69
Jadual 3.6 Nilai Alfa <i>Cronbach</i> untuk Kajian Rintis	73
Jadual 3.7 Nilai Alfa <i>Cronbach</i> untuk Kajian Sebenar	73
Jadual 4.1 Umur Responden	76
Jadual 4.2 Gender Responden	77
Jadual 4.3 Etnik Responden	78
Jadual 4.4 Agama Responden	78
Jadual 4.5 Pekerjaan Bapa	79
Jadual 4.6 Pekerjaan Ibu	81
Jadual 4.7 Jenis Aspirasi Pendidikan Mengikut Umur	82
Jadual 4.8 Tahap Aspirasi Pendidikan Mengikut Umur	84
Jadual 4.9 Tahap Aspirasi Pendidikan Mengikut Lokasi	86

Jadual 4.10	Jadual Ujian <i>Mann-Whitney</i>	87
Jadual 4.11	Pemboleh Ubah Bebas untuk Tahap Aspirasi Pendidikan Tahun 4	89
Jadual 4.12	Pemboleh Ubah Bebas untuk Tahap Aspirasi Pendidikan Tahun 5	91
Jadual 4.13	Pemboleh Ubah Bebas untuk Tahap Aspirasi Pendidikan Tahun 6	94
Jadual 4.14	Pemboleh Ubah Bebas untuk Tahap Aspirasi Pendidikan Keseluruhan	97

## **SENARAI RAJAH**

### **Muka Surat**

Rajah 1.1	Sistem Persekolahan di Malaysia	20
Rajah 1.2	Laluan Pendidikan di Malaysia	21
Rajah 2.1	Model Pencapaian Status Blau-Duncan	49
Rajah 2.2	Model Pencapaian Pendidikan dan Pekerjaan Awal Wisconsin	50
Rajah 2.3	Model Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bergantung	57
Rajah 5.1	Model Hubungan di antara Pemboleh Ubah Bebas dengan Pemboleh Ubah Bergantung (Tahap Aspirasi Pendidikan)	152

## **SENARAI SINGKATAN**

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KKM	Kementerian Kewangan Malaysia
DEB	Dasar Ekonomi Baru
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
ILP	Institut Latihan Perindustrian
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USM	Universiti Sains Malaysia
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah

**ASPIRASI PENDIDIKAN DALAM KALANGAN PELAJAR**  
**SEKOLAH RENDAH BANDAR DAN LUAR BANDAR**  
**UTARA MALAYSIA**

**ABSTRAK**

Kajian lepas menunjukkan aspirasi pendidikan merupakan elemen penentu yang penting dalam pencapaian di sekolah dan di peringkat seterusnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap aspirasi pendidikan, mengkaji hubungan di antara lokasi dengan tahap aspirasi pendidikan dan meneroka perkara-perkara yang mempengaruhi tahap aspirasi pendidikan pelajar tersebut. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti senarai rancangan yang dimiliki oleh pelajar untuk mencapai tahap aspirasi pendidikan tersebut. Responden kajian terdiri daripada pelajar Tahun 4, 5 dan 6 di 11 buah sekolah di kawasan utara Malaysia. Data kajian dikumpul dengan menggunakan dua kaedah. Data mengenai aspirasi pendidikan iaitu merangkumi perkara-perkara yang mempengaruhi telah dikumpulkan dengan mengedar borang soal selidik kepada 1088 orang pelajar. Manakala data mengenai rancangan untuk mencapai tahap aspirasi pendidikan telah dikumpulkan dengan menjalankan temu bual separa struktur bersama 62 orang pelajar. Bagi mengetahui perkara-perkara yang mempengaruhi tahap aspirasi pendidikan pelajar, penyelidik telah menggunakan analisis regresi logistik manakala bagi mengetahui hubungan antara lokasi dengan tahap aspirasi pendidikan, penyelidik telah menggunakan ujian *Chi-Square* dan ujian *Mann-Whitney*. Dapatan kajian mendapati, *Komitmen Ibu Bapa*, *Jenis Pekerjaan Ibu*, *Pencapaian Akademik*, dan *Pendapatan Isi Rumah* merupakan perkara yang mempengaruhi tahap aspirasi pendidikan. Selain itu, kajian ini menunjukkan hubungan yang lemah antara lokasi dengan tahap aspirasi pendidikan

pelajar. Tambahan lagi, bagi rancangan untuk mencapai aspirasi pendidikan, penyelidik telah membahagikannya pada dua tema yang besar iaitu rancangan berbentuk fizikal dan rancangan berbentuk spiritual. Rancangan berbentuk fizikal terdiri daripada mengulang kaji pelajaran, menghadirkan diri ke pusat tuisyen, cemerlang dalam semua subjek mata pelajaran, melayakkan diri ke sekolah menengah yang cemerlang dan mengamalkan sikap positif semasa pembelajaran. Bagi rancangan berbentuk spiritual pula, ia terdiri daripada amalan keagamaan, amalan yang baik terhadap ibu bapa, guru dan membina keyakinan diri. Dapatan daripada penyelidikan ini boleh dijadikan panduan dalam mengkaji aspirasi pendidikan di Malaysia khususnya untuk penyelidikan akan datang dan data daripada kajian ini boleh dijadikan rujukan untuk membantu para pelajar meneruskan usaha mereka untuk menuju aspirasi pendidikan tersebut.

**EDUCATIONAL ASPIRATIONS AMONG PRIMARY SCHOOL  
STUDENTS IN URBAN AND RURAL AREAS OF NORTH  
MALAYSIA**

**ABSTRACT**

The past research showed that educational aspiration is an important determinant of one's educational achievement in life. This study aimed to identify the level of educational aspirations, the relationship between the level of educational aspirations with location and explore factors that influence the level of the students' educational aspirations. In addition, the study also identified students' plan and strategies used to achieve their educational aspirations. The respondents are students from 11 schools which are in the range of Years 4, 5 and 6 located in the northern region of Malaysia. Data were collected using two methods. Data for factors that influence educational aspirations were collected by distributing questionnaires to a sample of 1088 students. These students were selected using random sampling technique. While data on their strategies to achieve their educational aspirations conducted through semi-structured interviews with 62 students. Logistic regression analysis was used to identify the factors which influence the level of educational aspirations of students. Chi-square test and Mann-Whitney test were used to determine the relationship between the level of educational aspirations and location. The result showed the Parents' Commitment, Mother's Occupation, Academic Performance and Household Income are factors which influence the level of educational aspirations of students. In addition, this study showed a weak relationship between the level of educational aspirations of students according to their location. The researcher has identified two major themes that are physical and

spiritual plans which were used by students to achieve their educational aspirations. Physical plans consists of revisions, enrolling in tuition classes, achieving good result in all subjects, putting effort to qualify to good secondary school and adopt a positive attitude while learning. Spiritual plans, are divided into religious practices, being kind towards their parents and teachers and building self-confidence. Furthermore, this study used two main theories that are status attainment theory and social cognitive theory. The findings of this research can be used as a guide and recommendation in future research in assessing the educational aspirations study especially in Malaysia and helping students achieving towards their educational aspirations

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pengenalan Kajian**

Pendidikan merupakan proses interaksi antara individu dengan individu yang lain atau interaksi antara individu dengan masyarakat (Mason, 1976). Tujuan interaksi adalah untuk mengembangkan jaringan sosial individu dan membentuk masyarakat yang saling berkomunikasi antara satu sama lain (interaksi sosial). Pendidikan sama ada formal atau tidak formal boleh dilihat sebagai satu proses sosialisasi (Robiah Sidin, 1994) dan ia amat penting untuk perancangan masa depan individu.

Aspirasi pendidikan merujuk kepada harapan atau keinginan individu untuk mencapai sesuatu tahap pendidikan dan ia tidak semestinya bergantung pada realiti sosioekonomi individu tersebut (Gorard, See dan Davies, 2012). Secara mudahnya, aspirasi pendidikan boleh dikatakan sebagai pilihan ideal yang dipunyai individu untuk masa depan mereka dan ia berfungsi untuk memupuk nilai-nilai yang berkaitan bagi mencapai aspirasi tersebut (Bohon, Johnson dan Gorman, 2006). Tambahan lagi, aspirasi pendidikan dilihat mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi pendidikan (Gorard et al., 2012; Whitty, Hayton dan Tang, 2015).

Sarjana berpandangan bahawa pembentukan aspirasi pendidikan yang kukuh boleh terjadi tanpa mengira umur (Trice dan King, 1991). Namun begitu, semakin meningkat umur individu khususnya kepada mereka yang mencapai umur

persekolahan menengah, semakin mendalam idea aspirasi pendidikan yang mereka punyai untuk laluan pendidikan mereka yang merangkumi keinginan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke universiti ataupun sebaliknya (McCulloch, 2016; Vignoles dan Murray, 2016; Anders dan Micklewright, 2015).

Secara amnya, isu pendidikan di Malaysia sangat dititikberatkan oleh pihak kementerian. Pelbagai usaha dijalankan untuk memajukan pendidikan di negara ini. Antaranya ialah pemberian dana untuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sebagai contoh, pada tahun 2013, pihak kementerian telah memperuntukkan dana sebanyak 38.7 bilion kepada KPM, 54.6 bilion pada tahun 2014 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2013), 56 bilion pada tahun 2015 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014) dan berkurang sedikit pada tahun 2016 iaitu 41.3 bilion (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015) bagi pembangunan pendidikan.

Di samping itu, pihak kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih ramai lagi modal insan yang berpendidikan tinggi yang memegang Ijazah Kedoktoran dan Ijazah Sarjana dalam pelbagai bidang. Rentetan daripada hasrat ini, pihak kementerian telah memberikan bantuan dana bagi yang berkelayakan di bawah Program Pembiayaan Ijazah Sarjana Dalam Negara (MyMaster) dan Program Pembiayaan Pengajian Ijazah Kedoktoran Dalam Negara (MyPhD) (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Hal ini berkemungkinan kerana tahap pendidikan yang tinggi membolehkan individu berpeluang untuk menikmati pendapatan yang lumayan, kerjaya yang baik, kurang peluang untuk menganggur dan meningkatkan kualiti kehidupan. Pada peringkat ini, kajian aspirasi pendidikan diperlukan untuk membantu para pelajar merancang perjalanan pendidikan mereka dan mengenal pasti perkara-perkara yang bakal

mempengaruhi aspirasi pendidikan mereka. Aspirasi pendidikan berkait rapat dengan lokasi, pendidikan ibu bapa, pekerjaan bapa, agama, bahasa utama di gunakan di rumah, jenis persekolahan, umur, gred yang biasa diperoleh di sekolah, komitmen daripada ibu bapa, peranan rakan sebaya dan kebolehan diri (Mani, 1983). Selain itu, menurut Salami (2008), status sosioekonomi, permintaan daripada keluarga besar dan personaliti diri mempengaruhi aspirasi pendidikan.

Secara keseluruhannya, sistem pendidikan melalui sistem persekolahan yang terbaik ialah sistem yang merangkumi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia. Hal ini bermaksud menurut Mior Khairul Azrin (2011), pendidikan itu tidak hanya terhenti apabila seseorang individu tamat persekolahan atau pengajian tinggi namun ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangsan untuk negara. Bagi membolehkan ia menjadi pendidikan seumur hidup, aspirasi pendidikan haruslah berada pada tahap yang tinggi dan sangat kukuh pembentukannya supaya ia tidak mudah goyah apabila berhadapan dengan halangan.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Aspirasi pendidikan merupakan matlamat atau keinginan seseorang individu untuk mencapai sesuatu tahap pendidikan pada masa depan (Coffield, 2011). Dalam konteks kajian ini, aspirasi pendidikan merujuk pada tahap tertinggi pendidikan yang ingin dicapai oleh para pelajar selepas menamatkan persekolahan rendah.

Salah satu teras dalam Rancangan Malaysia ke-10 adalah untuk melahirkan modal insan yang berpendidikan tinggi iaitu dengan memiliki ijazah Sarjana dan ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang. Oleh yang demikian, kerajaan telah menyasarkan untuk mempunyai 24,300 orang yang memiliki ijazah Kedoktoran dan 40,000 orang memiliki ijazah Sarjana (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012). Perkara ini mampu menyumbang pada pertumbuhan ekonomi negara melalui usaha yang bakal dilakukan oleh modal insan tersebut.

Namun begitu, semakin meningkat tahap pendidikan, semakin banyak cabaran dan kesukaran dalam subjek yang perlu dihadapi oleh pelajar. Tambahan lagi, dikhawatiri para pelajar akan berputus asa untuk meneruskan pelajaran kerana halangan yang dihadapi pada tahap permulaan pendidikan. Dengan itu, pendedahan untuk menetapkan aspirasi pendidikan dilihat sangat penting dan ia dapat memberikan bantuan awal untuk para pelajar sebagai manual rujukan untuk mereka mengatur strategi dan rancangan. Ini membolehkan mereka mencapai tahap-tahap tertentu dalam pendidikan sekali gus ia mampu memberikan motivasi yang berterusan untuk para pelajar berjaya dalam pendidikan dan kerjaya (Wang dan Ngai, 2011; Coates dan Western, 2008).

Tambahan lagi, aspirasi pendidikan mempunyai peranan yang penting bagi menentukan tahap pencapaian yang bakal dicapai oleh pelajar (Wang dan Ngai, 2011; Lakshmanan, 2004; Marjoribanks, 2003; Wilson dan Wilson, 1992). Dengan memiliki tahap pendidikan yang tinggi, seseorang individu cenderung untuk memperoleh pendapatan yang lumayan, jenis pekerjaan yang berprestij serta mengukuhkan kestabilan kehidupan mereka pada hari kelak. Situasi ini boleh disokong dengan hujah yang dibincangkan dalam teori modal insan bahawa pendidikan merupakan satu bentuk pelaburan yang akan meningkatkan pendapatan individu (Reed dan Wolniak, 2005). Dengan itu, aspirasi pendidikan merupakan suatu elemen yang penting untuk dikaji oleh para penyelidik dalam membincangkan isu-isu pendidikan.

Walau bagaimanapun, kajian mengenai aspirasi pendidikan dalam kalangan pelajar di Malaysia masih kurang berbanding negara luar seperti yang dinyatakan di bahagian ulasan karya. Kajian pendidikan di Malaysia sering berkisar tentang masalah kemahiran menulis dan membaca (Abdul Rasid Jamian, 2011; Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof dan Raja Mohd Fauzi, 2001), masalah ponteng kelas (Johari Hassan dan Nik Selma Muhammad, 2010; Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, dan How Lee Chan, 2007) dan kegagalan Orang Asli di sekolah (Abdul Sukor Shaari, Noraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali, dan Mohd Hasani Dali, 2011; Hasan Mat Nor, 2009; Johari Talib dan Nazri Muslim, 2007). Tambahan lagi, penyelidik tempatan yang mengkaji aspirasi pendidikan tidak menekankan aspirasi secara langsung dalam kajian. Beberapa penyelidik telah mengkaji hala tuju, kecenderungan dan minat dalam membincangkan aspirasi pendidikan pelajar

(Norhafizah Jalil, 2014; Meor Mohd Nazir dan Mohd Alwi, 2014; Nor Syuhada, 2012; Yahya Buntat dan Norliza Ensa, 2010).

Kekurangan kajian mengenai aspirasi pendidikan merupakan satu lompong kerana kajian lepas menunjukkan bahawa aspirasi pendidikan merupakan faktor penting dalam menerangkan prestasi dan pencapaian akademik oleh penyelidik (Kiche, 2010; Feliciano dan Rumbaut, 2005; Hernandez dan Charney, 1998; Kao dan Tienda, 1998). Aspirasi pendidikan yang tinggi akan mendorong pelajar untuk melakukan tingkah laku yang membawanya kepada aspirasi tersebut. Perkara ini boleh disokong dengan kenyataan McClelland (1967), seseorang yang keinginannya kuat untuk cemerlang suka membuat sesuatu kerja yang berkaitan dengan sesuatu yang boleh dianggapnya satu kejayaan, mengerjakan sesuatu dengan gigih dan lebih mementingkan masa depan daripada masa sekarang dan masa lepas. Dalam erti kata lain, aspirasi pendidikan menjadi pendorong kuat untuk para pelajar terus berjaya dalam pelajaran dan terus memperbaiki kelemahan yang terdapat pada diri mereka.

Seterusnya, aspirasi pendidikan telah menjadi modal pendidikan yang penting dalam kalangan masyarakat minoriti kerana ia boleh mengimbangi kekurangan lain yang dihadapi seperti pendapatan yang rendah, kurang mendapat sokongan ibu bapa dan tidak fasih dalam berbahasa golongan majoriti (Kiche, 2010; Vernez, Abrahamse dan Quigley, 1996; Gibson, 1998). Berdasarkan penerangan tersebut, konsep aspirasi pendidikan boleh diaplikasikan dalam pendidikan di Malaysia sebagai modal pendidikan untuk para pelajar yang berasal daripada keluarga berpendapatan rendah, para pelajar yang berada di luar bandar serta para pelajar yang tidak mempunyai sokongan sosial yang kukuh daripada ibu bapa.

Bagi aspek sampel kajian pula, kebiasaananya kajian aspirasi pendidikan sering melibatkan para pelajar yang berumur 15 tahun dan ke atas (Coffield, 2011; Kiche, 2010; Davis, 2009; Feuer, 2009; Hayden, 2008; Lakshmanan, 2004). Namun begitu, para pelajar yang berumur bawah 15 tahun juga perlu diberi perhatian mengenai aspirasi pendidikan mereka kerana ia boleh mempengaruhi tindakan awal mereka dalam mencorak haluan pendidikan kelak dan pandangan mereka tidak harus diremehkan hanya kerana faktor usia. Tambahan lagi, menurut teori perkembangan, kanak-kanak yang berusia 6 hingga 12 tahun sudah mampu menguasai kemahiran belajar, konsep hidup sehari-hari, pembentukan moral serta mengakui keupayaan dan kelemahan mereka (Azizi Yahya, 2008).

Melalui perbincangan di atas, mengenali aspirasi pendidikan pelajar sahaja tidak cukup untuk membincangkan isu-isu pendidikan, namun kita harus mengetahui perkara-perkara yang menyumbang kepada pembentukan aspirasi tersebut dan perkara-perkara yang menjadi penghalang kepada aspirasi pendidikan yang positif. Selain itu, pembentukan aspirasi pendidikan boleh terjadi dalam pelbagai tahap. Sekiranya, pembentukan aspirasi pendidikan itu kukuh, para pelajar dapat mempertahankan aspirasi pendidikan tersebut sepanjang berada dalam laluan pendidikan dengan usaha-usaha yang membawa mereka ke tahap aspirasi yang diimpikan oleh mereka. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang akan mempengaruhi aspirasi pendidikan pelajar. Di samping itu, penyelidik akan meneroka rancangan yang dipunyai oleh pelajar untuk mencapai tahap aspirasi pendidikan tersebut.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat empat persoalan kajian yang terbentuk.

Antaranya ialah:

1. Apakah aspirasi pendidikan pelajar pada Tahun 4, 5 dan 6?
2. Apakah hubungan antara lokasi (bandar dan luar bandar) pelajar dan tahap aspirasi pendidikan pelajar?
3. Mengapakah pelajar mempunyai tahap aspirasi pendidikan tersebut?
4. Apakah rancangan para pelajar untuk mencapai aspirasi pendidikan mereka?

### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengenal pasti aspirasi pendidikan pelajar pada Tahun 4, 5 dan 6.
2. Mengenal pasti perbezaan tahap aspirasi pendidikan pelajar di bandar dan luar bandar.
3. Meneroka perkara-perkara yang mempengaruhi tahap aspirasi pendidikan pelajar.
4. Mengenal pasti rancangan yang dilakukan oleh pelajar untuk mencapai aspirasi pendidikan mereka.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini diharap dapat mengembangkan pemahaman kita mengenai aspirasi pendidikan pelajar yang terlibat dalam kajian ini. Ia juga mampu mengemukakan perkara-perkara yang mempengaruhi aspirasi pendidikan tersebut sekaligus membantu menyalurkan maklumat kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti guru sekolah dan ibu bapa supaya mereka mampu untuk merangka model yang sesuai bagi membantu para pelajar.

Dari segi akademik pula, penyelidikan ini mampu mengisi kelompong yang ada dalam kajian-kajian lepas mengenai aspirasi pendidikan di Malaysia. Selain itu, penyelidikan ini menggunakan terma aspirasi pendidikan secara langsung berbanding kajian lain yang banyak menggunakan istilah minat dan kecenderungan untuk berjaya. Di samping itu, model yang akan terhasil daripada penyelidikan ini boleh dijadikan sebagai salah satu garis panduan untuk mengkaji aspirasi pendidikan di Malaysia khususnya dan penggunaan teori yang sesuai untuk masyarakat di Malaysia.

Oleh itu, dapatan hasil kajian kelak, diharapkan menjadi panduan dalam merangka aktiviti-aktiviti di sekolah yang dapat meningkatkan tahap kecintaan terhadap ilmu dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan untuk sekolah-sekolah yang terlibat. Selain itu, model yang terhasil dalam kajian ini boleh diperkembangkan dan diperkuuh lagi bagi menambah baik kajian mengenai aspirasi pendidikan pada masa depan.

## **1.6 Definisi Konsep**

Bahagian ini membincangkan konsep-konsep yang digunakan dalam kajian ini. Ia merangkumi definisi konsep daripada sarjana lepas dan justifikasi untuk kegunaan dalam penyelidikan ini.

### **1.6.1 Aspirasi Pendidikan Pelajar**

Secara umumnya, aspirasi pendidikan merujuk kepada tahap tertinggi yang ingin dicapai oleh pelajar dalam pendidikan (Byun, Meece, Irvin, dan Hutchins, 2012; Garg, Melanson dan Levin, 2007). Quaglia dan Cobb (1996) pula memberi takrif aspirasi pendidikan sebagai kemampuan para pelajar untuk meletakkan atau menentukan matlamat untuk masa depan dan pada masa yang sama menjadi inspirasi untuk berusaha ke arah mencapai matlamat tersebut.

Namun begitu, setiap penyelidik sering kali menggunakan definisi yang lebih khusus berdasarkan kajian mereka. Sebagai contoh, Hou dan Huang (2012) memberikan definisi aspirasi pendidikan melalui perancangan pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sama ada di luar negara atau di Taiwan. Kajian ini telah dilakukan ke atas pelajar Orang Asli Taiwan yang berada dalam Tahun 3 di institusi swasta dan kerajaan yang beraliran vokasional dan teknikal.

Selain itu, Cuthbert dan Hatch (2009) serta Strand dan Winston (2008) menyatakan aspirasi pendidikan ialah keinginan pelajar untuk meneruskan pengajian secara sepenuh masa selepas berumur enam belas tahun. Pelajar yang terlibat dalam kajian

ini berumur di antara 12 tahun hingga 14 tahun. Namun begitu, Strand dan Winston (2008) menambahkan lagi pengertian aspirasi pendidikan dengan tahap pencapaian yang mereka inginkan selepas tamat pengajian iaitu tidak lulus Sijil Umum Pendidikan Menengah (*General Certificate of Secondary Education*) sehingga ke tahap memiliki ijazah di universiti.

Wilson dan Wilson (1992) pula mentakrifkan aspirasi pendidikan sebagai tahap pendidikan terendah yang para pelajar ingin capai serta akan berpuas hati dalam pencapaian pendidikan mereka. Kajian ini melibatkan para pelajar tahun akhir di sekolah menengah yang bertempat di Amerika. Ia melibatkan para pelajar kulit putih dan hitam.

Definisi aspirasi pendidikan juga boleh membawa maksud pemilihan prospek bidang akan diambil oleh pelajar selepas persekolahan menengah seperti yang dinyatakan oleh Bajema, Miller dan Williams (2002) dalam kajiannya. Penyelidikan ini melibatkan para pelajar tahun akhir di sekolah tinggi awam dan swasta yang berada dalam kawasan antara utara dan barat Iowa, Amerika Syarikat. Antara tema bidang pengajian yang disenaraikan ialah Pengurusan, Ilmu Pendidikan, Kesihatan, Kejuruteraan, Sains Sosial dan Sains Tulen.

Melalui perbincangan definisi di atas mengikut kajian-kajian lepas, dapatlah disimpulkan aspirasi pendidikan sebagai suatu keinginan yang ada pada para pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sesuatu tahap tertentu. Secara umumnya, para penyelidik mengukur aspirasi pendidikan bermula dengan keinginan para

pelajar untuk meneruskan pengajian sama ada di peringkat kolej atau universiti dan pemilihan prospek bidang pengajian yang akan di ambil oleh mereka.

Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik mendefinisikan aspirasi pendidikan sebagai peringkat pendidikan paling tinggi yang dihasrat pelajar selepas mereka menamatkan persekolahan di sekolah rendah. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini berada dalam tahap dua persekolahan rendah. Golongan ini juga merupakan pelajar yang berada pada peringkat persediaan untuk ke sekolah menengah.

### **1.7 Skop Kajian**

Kajian ini hanya menumpukan pada tiga perkara iaitu aspirasi pendidikan para pelajar, perkara-perkara yang mempengaruhi tahap aspirasi pendidikan dan strategi yang dilakukan oleh para pelajar untuk mencapai aspirasi pendidikan mereka. Lokasi kajian merupakan di 11 buah sekolah rendah di kawasan Utara iaitu di Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Para pelajar yang terlibat dalam kajian merupakan para pelajar yang berumur dalam lingkungan 10 sehingga 12 tahun iaitu pelajar yang berada pada Tahun 4 hingga 6. Definisi ini dibentuk berdasarkan isu-isu yang dihadapi oleh pelajar seperti gred pencapaian peperiksaan yang menurun, keengganan untuk menghadirkan diri ke sekolah, keciciran sekolah pada usia yang muda sertakekangan dalam menggapai literasi yang digunakan untuk subjek-subjek pembelajaran di sekolah.

## **1.8 Motivasi Kajian**

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengetahui secara mendalam mengenai aspirasi pendidikan. Justeru, pendefinisian aspirasi pendidikan haruslah ditakrif dengan mantap supaya ia lebih mudah untuk difahami masyarakat. Hal ini demikian kerana terma aspirasi pendidikan sering kali dinyatakan apabila membincangkan isu-isu pendidikan malah peranan aspirasi pendidikan cukup memberi signifikan pada polisi pendidikan di luar negara. Rentetan daripada itu, penambahan karya aspirasi pendidikan di Malaysia sangat diperlukan bagi mengisi kelompongan karya yang ada. Selain itu, penggunaan teori-teori yang terlibat dalam kajian aspirasi pendidikan sememangnya banyak namun penggunaan teori haruslah sesuai dalam konteks masyarakat Malaysia.

## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan sekolah-sekolah yang berada di Utara Malaysia iaitu di negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Perlis. Namun begitu, hanya 11 buah sekolah yang terlibat keseluruhannya yang telah dipilih secara rawak. Hal ini demikian kerana kekangan masa yang dihadapi oleh penyelidik dan kos perbelanjaan perjalanan.

Selain itu, kajian ini hanya dilakukan dalam kalangan pelajar yang berusia 10 hingga 12 tahun iaitu pelajar Tahun 4, 5 dan 6. Tambahan lagi, etnik yang terlibat dalam penyelidikan ini didapati tidak seimbang kerana sekolah kebangsaan kebanyakannya terdiri daripada pelajar Melayu dan beragama Islam. Terdapat juga etnik Orang Asli

terlibat dalam kajian ini namun jumlahnya sangat kecil berbanding etnik lain kerana faktor geografi sekolah yang terlibat.

### **1.10 Organisasi Tesis**

Secara keseluruhannya, tesis ini mengandungi enam bab. Bab pertama merupakan bahagian pendahuluan tesis. Ia membincangkan tentang pengenalan, latar belakang kajian, penyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi konsep, skop kajian, motivasi kajian dan batasan kajian.

Bab kedua pula merupakan bahagian yang membincangkan tentang sorotan karya yang berkaitan dengan topik kajian. Ia juga mengemukakan pendefinisian konsep serta teori-teori berkaitan.

Seterusnya, bab tiga pula menyentuh tentang kaedah penyelidikan yang merangkumi tiga bahagian utama iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan penganalisisan data kajian ini. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan kaedah tinjauan. Instrumen yang digunakan untuk mengumpulkan data ialah borang soal selidik. Selain itu, kaedah temu bual separa struktur juga digunakan dalam pengumpulan data kajian. Bagi analisis data pula, perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) digunakan untuk tujuan penganalisisan.

Hasil dapatan kajian yang diperoleh akan dibincangkan dalam bab keempat. Bab kelima pula merupakan perbincangan bagi menjawab persoalan-persoalan kajian dan

bab yang keenam merupakan bab yang terakhir. Ia membincangkan tentang rumusan kajian keseluruhannya dan membincangkan cadangan untuk penambahbaikan kajian akan datang.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab ini, penyelidik memfokuskan pada kajian-kajian lepas dan sorotan karya yang sedia ada yang membincangkan dengan aspirasi pendidikan dalam kalangan pelajar. Ia akan merangkumi peranan pendidikan, peranan sekolah dan teori-teori yang terlibat dalam kajian aspirasi pendidikan.

#### **2.2 Latar Belakang Sejarah Pendidikan di Malaysia**

Sebelum kedatangan pihak British, sistem pendidikan di Tanah Melayu merupakan sistem pendidikan yang tidak formal. Sistem ini dipercayai telah berkembang selari dengan penyebaran agama Islam di negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu serta Kepulauan Melayu pada abad ke -14 (Sufean Hussin, 2004). Pelajaran yang utama diajari dalam sistem pendidikan ini ialah pelajaran agama Islam dengan berpandukan kitab suci Al-Quran (Mior Khairul Azrin, 2011).

Selepas sistem pendidikan ini mula berkembang dan menjadi suatu yang penting dalam masyarakat, sekolah-sekolah pondok dan madrasah telah ditubuhkan sebagai tempat yang rasmi untuk mendapat pendidikan Islam (Mior Khairul Azrin, 2011) yang kebiasaannya dibina berhampiran dengan pantai dan sungai. Menurut Wilkinson (1957) dalam Sang (2000):

“Murid di pondok mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka akan terus mempelajari dengan cara menghafaz huruf abjad Arab supaya menjadi panduan membaca doa dan teks Arab. Biasanya, mereka belajar tiga pelajaran sehari, setiap pelajaran mengambil masa satu jam. Pelajaran pertama biasanya dimulakan selepas sembahyang subuh; kedua, selepas sembahyang zuhur dan satu lagi selepas senja. Pada masa yang lain, murid akan menolong gurunya menguruskan hal-hal rumah dan bekerja di kebun atau sawah. Melalui kerja-kerja itu, murid-murid secara tidak langsung belajar kemahiran-kemahiran yang dikehendaki supaya dapat menjalankan kerja dalam kehidupan harian mereka. Sungguhpun guru tidak menerima sebarang gaji daripada pengajarannya, ibu bapa murid itu biasanya membekalkan tikar dan bantal, periuk dan beras untuk gurunya.”

Pada zaman penjajahan British pula, terdapat sistem pendidikan baru yang diguna pakai di Tanah Melayu iaitu sistem pendidikan berteraskan pendidikan Inggeris (Mior Khairul Azrin, 2011). Setiap sekolah aliran Inggeris ini menggunakan Bahasa Inggeris untuk mengajar mata pelajaran dan ia memberikan cabaran kepada bangsa Melayu yang tidak mahir menggunakan bahasa Inggeris dengan baik. Selain itu, melalui dasar *laissez-faire*, pihak British telah mewujudkan lima jenis persekolahan iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, sekolah vernakular Tamil, sekolah Inggeris dan sekolah Agama Madrasah (Sufean Hussin, 2004). Walau bagaimanapun, pihak British tidak berlaku adil dari segi layanan yang setaraf kepada semua bangsa. Sebagai contoh, sekolah vernakular Melayu dan Tamil hanya terhad untuk sekolah rendah sahaja manakala sekolah vernakular Cina mendapat keistimewaan melalui sekolah rendah (6 tahun), *junior middle* (3 tahun) dan *senior middle* (3 tahun) (Mior Khairul Azrin, 2011).

Bagi menyelesaikan permasalahan tersebut, Laporan Barnes telah menjadi asbab untuk merubah kedudukan pendidikan orang Melayu rentetan kebangkitan semangat nasionalisme pada tahun 1946 (Shahril @Charil Marzuki dan Habib Mat Som, 1999). Laporan Barnes mencadangkan pemindahan bahasa pengantar kepada Bahasa

Inggeris dan Bahasa Melayu bagi semua jenis sekolah di Persekutuan Tanah Melayu dan bahasa Cina dan Tamil akan diajar sebagai mata pelajaran di sekolah sahaja (Sang, 2000). Namun begitu, cadangan tersebut mendapat bantahan daripada masyarakat Cina dan seterusnya digantikan dengan Laporan Fenn-Wu (Mior Khairul Azrin, 2011). Kesan daripada cadangan yang berbeza dalam Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu, Ordinan Pelajaran telah ditubuhkan bagi mengatasi perbezaan pandangan tersebut (Sang, 2000).

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Malaysia (nama selepas tahun 1963) merupakan negara baru yang bermatlamat untuk mengukuhkan semula pendidikan negara supaya seiring dengan matlamat perpaduan nasional (Mior Khairul Azrin, 2011). Laporan Razak yang ditubuhkan pada tahun 1956 telah menjadi garis panduan untuk dasar dan sistem pendidikan kebangsaan kerana ia mempunyai perubahan yang positif khususnya dalam membentuk dan memupuk perpaduan dalam negara (Abu Bakar Nordin, 1994). Namun begitu, peristiwa 13 Mei 1969 telah merubah corak politik, ekonomi, dan sosial masyarakat Malaysia dan pada akhirnya kerajaan menubuhkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mempunyai tujuan untuk mencapai perpaduan dan integrasi nasional (Mior Khairul Azrin, 2011).

Bagi menjayakan rancangan tersebut, antara tindakan yang diambil oleh kerajaan Malaysia adalah dengan mewujudkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk dijalankan di semua sekolah rendah seluruh negara pada tahun 1983 dan melaksanakan rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989 di semua sekolah menengah seluruh Malaysia (Sufean Hussin,


2004). Seterusnya, Dasar Pembangunan Negara (DPN) yang berlangsung pada tahun 1991 hingga ke 2000 merupakan kesinambungan daripada DEB.

Selain itu, KPM telah merangka agenda utama bagi tujuan pembangunan Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan 2000-2010. Antara hasrat yang ingin dicapai oleh KPM ialah memastikan setiap warganegara Malaysia mempunyai peluang pendidikan yang sama dan juga setiap individu berpeluang memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008). Namun begitu, KPM telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PPIP) 2006-2010 selepas mengenal pasti cabaran yang harus diatasi untuk memastikan wawasan negara dapat dicapai tahun 2020 (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008).

Kini, kerajaan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang berhasrat mewujudkan peluang yang lebih luas ke arah keberhasilan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berdaya saing. Dalam pelan ini dianggarkan mempunyai tiga gelombang iaitu gelombang pertama pada tahun 2013 sehingga 2015, gelombang kedua pada tahun 2016 sehingga 2020 dan gelombang ketiga pada tahun 2021 sehingga 2025. Setiap gelombang tersebut dijangka akan mempunyai perubahan dalam isu-isu pendidikan.


### 2.3 Laluan Sistem Pendidikan di Malaysia

Sistem Pendidikan Kebangsaan Malaysia terdiri daripada pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepas menengah. Sistem ini dapat diringkaskan seperti Rajah 1 dan Rajah 2 di bawah:



Rajah 1.1: Sistem Persekolahan di Malaysia (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008)

## LALUAN PENDIDIKAN DI MALAYSIA



Rajah 1.2 : Laluan Pendidikan di Malaysia (KPM, 2013)

Pendidikan Prasekolah merupakan pendidikan yang paling asas bagi kanak-kanak yang berumur empat sehingga enam tahun iaitu sebelum mereka masuk ke sekolah rendah. Peringkat ini bertujuan menyediakan kanak-kanak dengan sosialisasi sebelum mendapatkan pendidikan formal (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008). Selain itu, peringkat ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengembangkan potensi mereka melalui program-program yang dirancang yang bertepatan dengan peringkat yang dilalui oleh mereka. Pendidikan di peringkat ini diakui memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak untuk menerima sebarang pengetahuan yang diajarkan di sekolah (Shahril@ Charil Marzuki, Zainun Ishak, Lee Pau Wing, dan Saedah Siraj, 1995). Perkara ini dapat disokong dengan kajian Miller dan Dyer (1975) yang mendapati bahawa pendidikan prasekolah telah memberi kesan yang positif dari segi kognitif bagi kanak-kanak untuk jangka masa yang panjang. Selain itu, di Malaysia juga terdapat kajian yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan Perancangan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (EPRD) pada tahun 1986 yang membuktikan bahawa kanak-kanak yang mendapatkan pendidikan di tadika menunjukkan pencapaian akademik yang lebih tinggi.

Pendidikan rendah pula bermula apabila kanak-kanak mencapai umur 6 tahun dan mengambil masa lima hingga tujuh tahun. Terdapat dua jenis sekolah di peringkat pendidikan rendah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK Cina dan SJK Tamil). Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan manakala Bahasa Cina atau Tamil digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil. Pendidikan peringkat ini menggunakan modul KBSR (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008). Ia memberi pendidikan asas kepada individu untuk

berkomunikasi dan menyesuaikan diri dalam masyarakat untuk melakukan interaksi sosial (Shahril @ Charil Marzuki et al., 1995).

Kurikulum peringkat ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu Tahap I yang melibatkan Tahun 1 hingga Tahun 3 manakala Tahap II melibatkan Tahun 4 hingga Tahun 6. Tahap I menekankan konsep penguasaan asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Selain itu, pada tahap ini juga ia memupuk nilai-nilai murni dan juga bakat yang dimiliki oleh pelajar (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008). Tahap II pula, merupakan pengukuhan dalam kemahiran asas 3M iaitu pemupukan nilai, sikap dan bakat, penguasaan ilmu serta kemahiran berfikir yang kreatif dan kritis. Pada akhirnya, pelajar akhir di Tahap II akan dinilai prestasi mereka dalam bidang akademik melalui Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Seterusnya, pendidikan peringkat menengah menyediakan program pendidikan yang berkualiti kepada rakyat Malaysia yang berumur 12 tahun hingga 17 tahun. Modul KBSM telah digunakan dalam peringkat ini dan ia menggalakkan penerapan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran. Hal ini demikian kerana melalui penerapan nilai-nilai yang positif, ia dapat membina modal insan yang mempunyai daya ketahanan dalam diri supaya mereka mampu mendukung idealisme masyarakat bermoral seterusnya dapat menggalakkan perpecahan masyarakat yang memegang budaya ketimuran dengan ciri-ciri yang unik (Sufean Hussin, 2004).

Pendidikan peringkat menengah mempunyai dua tahap iaitu pendidikan menengah rendah dan pendidikan menengah atas. Pendidikan menengah rendah bermula dari

Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Pada tahun 2003, pengajaran subjek Sains dan Matematik diajar menggunakan Bahasa Inggeris yang sebelumnya mata pelajaran tersebut diajar dalam Bahasa Melayu. Perubahan ini dikatakan sebagai persediaan untuk para pelajar bersaing dalam dunia global ini (Jamil Ahmad dan Norlia Goolamally, 2008).

Sebelum tahun 2014, para pelajar yang berada pada tahap akhir persekolahan menengah rendah akan menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) untuk menilai prestasi akademik mereka. Namun begitu, PMR telah digantikan dengan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) melalui Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bermula pada April tahun 2014 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Oleh yang demikian, PT3 bukan lagi satu peperiksaan berpusat. Hal ini bermaksud pihak sekolah akan mentadbir, mentaksir dan memberi skor terhadap pentaksiran tersebut berpandukan instrumen dan panduan peraturan penskoran yang setara yang disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Seterusnya, keputusan PT3 akan digunakan sebagai asas untuk menentukan kemasukan murid-murid ke Tingkatan 4 sama ada ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) termasuk juga Sekolah Menengah Teknik (SMT) dan Kolej Vokasional. Tambahan lagi, para pelajar yang ingin memasuki sekolah-sekolah tersebut harus menjalani Ujian Psikometrik bagi memastikan pemilihan dan penempatan murid bersetujuan dengan kemampuan dan minat mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).